



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 9 JANUARI 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

1,049 botol sabun tiruan dirampas

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI
utusannews@mediamulia.com.my

KUBANG PASU: Sebanyak 1,049 botol cecair pencuci pakaian tiruan berjenama popular bernilai hampir RM20,000 dirampas dalam tiga serbuan serentak dilakukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah di tiga daerah, kelmarin.


Pengarah KPDN Kedah, Muhammad Nizam Jamaludin berkata, serbuan yang turut disertai wakil pemilik cap dagangan berdaftar itu dilakukan kira-kira pukul 11 pagi di tiga buah pasar raya di Kota Setar, Sungai Petani dan Baling.

Katanya, pencuci pakaian tiruan yang dijual di ketiga-tiga pasar raya itu bernilai RM19,897 dengan 572 botol dirampas di Sungai Petani, 283 botol di Kota Setar dan 194 botol di Baling.

"Jika dilihat dari mata kasar, pelekat dan botol digunakan kelihatan hampir sama. Namun jika diteliti botol cecair pencuci yang asli mempunyai pelekat lebih licin manakala label pada botol palsu kelihatan kusam."

"Selain itu pengguna dapat mengesan perbezaannya melalui bau. Bau cecair pencuci pakaian yang palsu tidak sewangi produk asli malah ada antaranya tidak berbau wangi langsung," katanya pada sidang akhbar di Stor KPDN Kedah di Tunjang di sini, semalam.

Katanya, siasatan awal men-



MUHAMMAD Nizam Jamaludin (tengah) menunjukkan cecair pencuci pakaian tiruan yang dirampas pada sidang akhbar di stor KPDN Kedah di Tunjang, Kubang Pasu, semalam.

“

Bau cecair pencuci pakaian yang palsu tidak sewangi produk asli malah ada antaranya tidak berbau wangi langsung.”

dapati ketiga-tiga pasar raya tersebut mendapatkan bekalan

cecair pencuci pakaian daripada ejen yang sama.

"Sabun palsu itu dijual pada harga yang jauh lebih murah iaitu antara RM18.59 hingga RM19.99 berbanding harga asal iaitu sekitar RM25.

"KPDN melakukan risikan sejak September tahun lalu. Buat masa ini, kami masih menyiasat di mana cecair mencuci pakaian ini dihasilkan dengan keterangan daripada wakil pasar raya terlibat sudah diambil," katanya yang memberitahu siasatan lanjut masih dijalankan di bawah Akta Cap Dagangan 2019.

KPDN serbu dua premis jual 393 sabun pencuci tiruan RM7,104

IPOH – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Perak merampas sebanyak 393 unit sabun pencuci tiruan bernilai RM7,104.27 dalam dua serbuan masing-masing di Seri Iskandar dan Taiping, dekat sini kelmarin.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, serbuan dilakukan hasil maklumat dan aduan oleh wakil pemilik cap dagang berhubung penjualan sabun pencuci berjenama terkenal disyaki tiruan di dua premis berkenaan.

"Hasil pemeriksaan menemui sebanyak 393 unit sabun pencuci yang kesemuanya disyaki menggunakan cap dagangan berjenama yang dipakai dengan salah pada barangan tersebut.

"Wakil syarikat cap dagang telah melakukan pengesahan awal ke atas semua sabun pencuci terbabit.

"Premis disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Sek 102 (1)(c) Akta Cap Dagangan 2019 kerana mempunyai dalam milikan, jagaan dan kawalannya bagi maksud perdagangan atau

pengilangan apa-apa barang suatu cap dagangan berdaftar dipakai dengan salah," katanya semalam.

Ujarnya, kesemua barang dan dokumen telah disita untuk siasatan lanjut dan nilai rampan keseluruhan melibatkan dua premis di daerah tersebut dianggarkan berjumlah RM7,104.27.

"KPDN juga ingin menegaskan agar peniaga tidak menjual barang tiruan dan tindakan tegas akan dikenakan kepada mereka yang melanggar Akta Cap Dagangan 2019," tambahnya.



PENGUAT Kuasa KPDN memeriksa sabun pencuci tiruan yang dirampas dalam serbuan di dua premis masing-masing di Seri Iskandar dan Taiping kelmarin. – IHSAN KPDN



KPDN rampas 393 unit pencuci pakaian berjenama tiruan dipercayai menggunakan cap dagangan berjenama yang digunkankan dengan salah pada barang berkenaan.

KPDN rampas pencuci pakaian tiruan

Ipoh: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merampas produk pencuci pakaian berjenama disyaki tiruan dalam serbuan berasingan di Seri Iskandar dan Taiping, kelmarin.

Pengarah KPDN Perak Datuk Kamalludin Ismail berkata, pihaknya meram-

pas 393 unit pencuci pakaian berjenama tiruan dipercayai menggunakan cap dagangan berjenama yang dipakaikan dengan salah pada barang berkenaan.

“Wakil syarikat cap dagang telah melakukan pengesahan awal terhadap semua sabun pencuci terbabit dan dipercayai pre-

mis melakukan kesalahan di bawah Seksyen 102 (1)(c) Akta Cap Dagangan 2019.

“Semua barang dan dokumen berkaitan disita untuk siasatan lanjut serta nilai rampasan bagi dua premis dianggarkan RM7,124.27,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, pihaknya komi-

ted melindungi hak pemilik cap dagang dengan mengadakan pemantauan dan risikan berterusan terhadap premis yang menjual barang berjenama bagi membanteras penjualan barang tiruan, seterusnya dapat meningkatkan keyakinan pelabur asing terutama di Perak. - Bernama

KPDN serbu premis jual sabun pencuci tiruan

IPOH - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak merampas 393 botol sabun pencuci berjenama tiruan dalam serbuan berasingan premis perniagaan di Seri Iskandar dan Taiping pada Selasa.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, serbuan dilakukan hasil maklumat dan aduan oleh wakil pemilik cap dagang berhubung penjualan sabun pencuci berjenama terkenal yang disyaki tiruan di premis berkenaan.

"Wakil syarikat cap dagang telah melakukan pengesahan awal terhadap se-

mua sabun pencuci tersebut dan dipercayai premis melakukan kesalahan di bawah Seksyen 102 (1)(c) Akta Cap Dagangan 2019.

"Kesemua barang dan dokumen berkaitan disita untuk siasatan lanjut. Nilai rampasan bagi dua premis dianggarkan berjumlah RM7,124.27," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Menurutnya, pihaknya giat melindungi hak pemilik cap dagang dengan mengadakan pemantauan dan risikan berterusan terhadap premis yang menjual barang berjenama bagi membanteras penjualan barang tiruan.

HARI: **KHAMIS**

TARIKH: **9/1/2025**

M/SURAT: **7**



Muhammad Nizam (right) and his officers take a whiff of the counterfeit detergent. — Bernama photo

KPDN seizes counterfeit laundry detergent worth RM19,000

JITRA: The Kedah Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) seized 1,049 bottles of suspected counterfeit branded laundry detergent during three raids in Alor Setar, Sungai Petani and Baling on Tuesday.

Its director Muhammad Nizam Jamaludin said in the raid at about 11am, a total of 283 bottles were seized at a supermarket in Alor Setar, 572 in Sungai Petani, and 194 bottles in Baling, with a total estimated value of RM19,897.

He said the seizure was carried out after the products used a branded trademark.

"The operation was based on the complaint of the trademark owner, and we began carrying out surveillance starting September 2024."

"As a result of our inspection, we found a quantity of counterfeit laundry detergent in the store and sales shelves of the premises and confiscated for further action," he said at a press conference here yesterday.

He said the case is being investigated under the Trade Marks Act 2019.

Meanwhile, Muhammad Nizam said a total of 722 cases under various Acts had been recorded in Kedah over the past year involving a confiscation value of more than RM5.37 million.

"The three Acts with the most cases are the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011, the Weights and Measures Act 1972, and the Control of Supplies Act 1961," he said. — Bernama

KPDN Perak rampas sabun tiruan bernilai lebih RM7,000

IPOH: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak merampas produk pencuci pakaian berjenama disyaki tiruan dalam dua serbuan berasingan di Seri Iskandar dan Taiping, kelmanir.

Pengarahnya Datuk Kamal-ludin Ismail berkata, dalam serbuan tersebut pihaknya merampas 393 unit pencuci pakaian berjenama tiruan dipercayai menggunakan cap

dagangan berjenama yang dipakaikan dengan salah pada barangang berkenaan.

“Wakil syarikat cap dagang telah melakukan pengesahan awal terhadap semua sabun pencuci terbabit dan dipercayai premis telah melakukan kesalan di bawah Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019.

“Kesemua barang dan dokumen berkaitan telah disita untuk siasatan lanjut serta nilai rampasan bagi dua premis yang kita ser-

bu dianggarkan berjumlah RM7,124.27,” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, pihaknya komited melindungi hak pemilik cap dagang dengan mengadakan pemantauan dan risikan berterusan terhadap premis yang menjual barangang berjenama bagi membanteras penjualan barang tiruan, seterusnya dapat meningkatkan keyakinan pelabur asing terutamanya di Perak. — Bernama

(怡保8日讯)霹雳州国内贸易及生活费局接连突来2间商店，起获393支价值7104令吉27仙，疑似仿冒知名品牌的洗衣液。

该局局长拿督卡马鲁丁今天发文告表示，该局于昨天展开一项扫荡销售和批发知名品牌洗衣液的行动，检查分别位于斯里依斯干达和太平的2间商店。

他说，霹内贸易是接获商标持有人代表所提供的资料和投诉，怀疑这些商店出现冒牌洗衣液，于是展开取缔行动，检查发现393支洗衣液疑是错误使用有关知名品牌商标。

他提到，商标公司代表经过初步核实和怀疑商店抵触2019年商标法令第102（1）（c）条文，即错误使用注册商标；所有物品和文件已被没收供进一步调查。

促别销售冒牌货

该局促请商家别销售冒牌货，并会采取严厉行动对付违反2019年商标法令的人士，一旦罪成，对于团体组织，每件仿冒商品罚款不超过1万5000令吉，接下来重犯的每件商品罚款不超过3万令吉；非团体组织则是每件仿冒商品罚款不超过1万令吉、监禁不超过3年或两者兼施，重犯每件商品罚款不超过2万令吉、监禁不超过5年或两者兼施。

如有相关资讯可向邻近的国内贸易及生活费局投报，或通过WhatsApp 019-848 8000、网页e-aduan@kpdn.gov.my、致电1800-886-800或手机应用程序Ez Adu KPDN联系。

霹內貿局突檢2商店 起393支冒牌洗衣液



↑ 霹内贸局是接获商标持有人代表所提供的资料和投诉展开检举行动。（霹内贸局提供）

← 霹内贸局接连检举2间商店，检查疑似仿冒知名品牌的洗衣液。（霹内贸局提供）

■ 霹雳内贸局接连检举2间商店，检查疑似仿冒知名品牌的洗衣液。（霹雳内贸局提供）



霹內貿局檢舉2商店 起仿冒名牌洗衣液

（怡保8日讯）霹雳州国内贸易及生活费局接连检举2间商店，取得393支价值约7104令吉27仙，疑似仿冒知名品牌的洗衣液。

价值逾7千元

局长拿督卡马鲁丁今天发文告表示，该局于昨天展开一项扫荡销售和批发知名品牌洗衣液的行动，临检分别位于斯里依斯干达和太平的2间商店。

他说，霹内贸易局是接获商标持有人代表所提供的资料和投诉，怀疑这些商店出现冒牌洗衣液，于是展开这项取缔行动，检查发现393支洗衣液疑是错误使用有关知名品牌商标。

HARI: KHAMIS
TARIKH: 9/1/2025
M/SURAT: 5

他提到，商标公司代表已经过初步核实和怀疑商店已抵触2019年商标法令第102(1)(c)条文，即错误使用注册商标；所有物品和文件已被没收供进一步调查，在2间商店起获的整体货品价值估计为7104令吉27仙。

该局促请商家别销售冒牌货，并采取严厉行动对付违反2019年商标法令的人士，一旦罪成，对于团体组织来说，每件仿冒商品罚款不超过1万5000令吉，接下来重犯的每件商品罚款不超过3万令吉；非团体组织则是每件仿冒商品罚款不超过1万令吉、监禁不超过3年，或两者兼施，重犯每件商品罚款不超过2万令吉、监禁不超过5年，或两者兼施。

若有相关资讯可向邻近的国内贸易及生活费局投报，或通过WhatsApp 019-848 8000、网页e-aduan@kpdn.gov.my、致电1800-886-800或手机应用程式Ez Adu KPDN联系。(BPK)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

Terengganu perhalusi syor pulihara imej batik

Oleh KAMALIZA
KAMARUDDIN

utusannews@mediamulia.com.my

KUALA TERENGGANU: Pengasingan rak jualan di premis-premis perniagaan bagi membolehkan pembeli membezakan batik asli Terengganu dan produk tiruan adalah antara syor yang diperhalusi bagi memulihara imej batik keluaran negeri ini.

Cadangan ini dikemukakan pengusaha batik asli Terengganu untuk mengatasi masalah kebanjiran batik tiruan yang kian berleluasa di pasaran sejak akhir-akhir ini.

Pengerusi Jawatankuasa Keusahawanan, Sumber Manusia, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Ariffin Deraman berkata, satu pertemuan diadakan dengan penggiat industri batik di Wisma Darul Iman, di sini semalam dan batik tiruan antara isu dibangkitkan.

"Ada beberapa cadangan daripada pengusaha batik asli Terengganu untuk memulihara warisan kraf ini dan menjaga imej serta kualitinya dalam jangka masa panjang.

"Antaranya pengasingan rak jualan di premis perniagaan supaya pembeli dapat membezakan batik asli Terengganu dan batik tiruan. Kaedah ini akan diperhalu-

Dijual berleluasa di pasaran tempatan, dapat permintaan kerana harga lebih murah

Produk tiruan ancam batik Terengganu

OMI-KAMALIZA KAMARUDDIN

utusannews@mediamulia.com.my

KUALA TERENGGANU: Pengasingan rak jualan di premis-premis perniagaan adalah antara syor yang diperhalusi bagi membolehkan pembeli membezakan batik asli Terengganu dan produk tiruan yang kian berleluasa di pasaran tempatan, kata Ariffin.

Leluhur melalui zaman pengasingan ini, ia bukanlah perkara baru kerana maklumat adalah tertua sejak zaman Zulu di abad Edar, sebahagian besar kerajaan Asingan yang terdiri dengan ilmu dan teknologi yang canggih dan kuat.

Ketika ini, batik Terengganu adalah salah satu produk warisan budaya negara dan aspek Thailand, Indonesia dan Giava yang mempunyai ciri-ciri khas dan tidak dicampur dengan batik dari negara lain.

Selang waktu, arahan kerajaan batik asli Terengganu dijual dengan harga RM100 hingga RM150, tetapi banting batik asli Terengganu antara RM30 hingga RM45 juga mempunyai penawaran yang sama.

Ariffin menambah bahawa



"memperhalusi" katanya.

INISIATIF PENGUSAGAN INDUSTRI PEMERATA RATIK
Semantan Ibu, Retia Pegawai Eksekutif Negeri Afra Abdurrahman, Sdn Bhd, Wan Mohd. Hafiz Wan Mohd. Ariffin berkata, ini merupakan inisiatif untuk mengurangkan klas dominasi penjualan batik asli sehingga penduduk kapital terdiri daripada masyarakat.

Rakuh berkata, Raja Afra juga menerangkan ramai orang yang pergi ke luar negara untuk beli batik di sana kerana ia dianggap mahal dan berkualiti.

"Raja Afra ada maklumat bahawa usaha batik di negeri mereka di sana hasilnya ini tidak mendapat warisan negara. Maka ia dianggap mahal dan berkualiti," katanya.

Menurut Wan Mohd. Hafiz, ini berkaitan dengan faktor harga dan kualiti.

UTUSAN Malaysia
8 Januari 2025

si dan dilaksanakan Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu sekiranya dipersetujui kelak," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Masalah batik tiruan yang kini memonopoli jualan batik di Terengganu termasuk di lokasi tumpuan pelancong menyebabkan ramai pengusaha bimbang dengan kekeliruan pembeli mengenai ciri-ciri istimewa batik asli.

Pengusaha juga terkilan kerana masih ramai peniaga yang tamak dan tidak mempunyai kesedaran untuk memberi penerangan

sebenar kepada pembeli.

Ariffin berkata, satu lagi pertemuan susulan akan diadakan dalam masa terdekat dengan memanggil beberapa agensi termasuk Persatuan Peniaga Pasar Payang, YPU serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu untuk perbincangan lanjut.

Antara cadangan lain ialah pemasangan kain pemidang yang memperincikan perbezaan batik asli Terengganu dengan batik tiruan di lokasi tumpuan pelancong untuk merungkai kekeliruan pembeli.

MGA gesa haramkan import produk tersebut, bimbang jejas permintaan emas tulen

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
SHAH ALAM

Persatuan Emas Malaysia (MGA) menggesa pembenhtian serta-merta dan mengharamkan pengimportan, fabrikasi serta penjualan produk perak bersadur emas dan produk bersadur emas serupa di Malaysia.

MGA dalam kenyataan memaklumkan, kemasukan produk sebegitu ke negara ini boleh memberi kesan ketara kepada integriti pasaran logam berharga di Malaysia, menyebabkan keliruan harga, menjasakan permintaan emas sebenar dan keseluruhan dinamik logam berharga.

Menurutnya, perak bersadur emas sering kali disamakan dengan perhiasan emas tulen kerana ketebalan lapisan emas.

"Ia akan menyukarkan peng-

guna untuk membezakannya daripada emas asli tanpa penilaian profesional. Tanggapan salah ini mewujudkan risiko kerugian kewangan yang mungkin akan dialami pengguna seperti membeli barang bukan emas asli secara tidak sedar.

"Produk perak bersadur emas juga akan memberikan ancaman dan risiko ketara kepada pajak gadai, pembrokeran serta sektor Ar-Rahnu. Mereka berisiko untuk ditipu seterusnya mengalami kerugian," katanya pada Rabu.

Tambah MGA, berhubung perkara tersebut persatuan telah mengadakan perbincangan khas bersama semua ahli yang terdiri daripada veteran emas dan pemain utama industri.

"Kami telah mencapai persetujuan sebulat suara untuk menolak produk tersebut dan mematuhi sepenuhnya keputusan

an untuk menghentikan pengeluaran, pengimportan dan penjualan mereka.

"Komitmen ini bertujuan memastikan pengeluar tidak akan menghasilkan produk sedemikian, manakala peruncit tidak akan menjualnya di Malaysia," ulasnya.

Presiden MGA, Datuk Wira Louis Ng memberitahu, pihaknya juga mengesahkan permain industri seperti pengilang, pengimport, peruncit, pengedar dan agensi penguatan kuasa berkaitan untuk mengkategorikan perak bersadur emas dan produk bersadur emas serupa (dengan teras dalam bukan emas) seperti emas palsu dan barang terlarang.

"Diharapkan pihak berkuala Malaysia termasuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak dapat mengenakan peraturan yang lebih ketat untuk melarang penjualan, dagangan

dan tukaran produk-produk palsu ini terutamanya di platform e-dagang," ujarnya.

Hentikan jualan produk perak bersadur emas



Produk perak bersadur emas menyukarkan pengguna untuk membezakannya daripada emas asli tanpa penilaian profesional.

- Gambar hiasan

HARI: KHAMIS

TARIKH: 9/1/2025

M/SURAT: 7

Man nabbed for unlawfully transporting RM3,800 worth of diesel



Police photo shows the pickup truck used by the suspect to transport the diesel.

MIRI: Marine Police personnel foiled a suspected attempt to smuggle diesel with the arrest of a man along the Lutong-Kuala Baram road on Tuesday.

Miri police chief ACP Alexson Naga Chabu said the man, 27, was stopped around 2.30pm while driving a pickup truck with a canvas tarp covering its bed.

"Upon inspection, it was found the driver was transporting diesel without any documents from the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN).

"The diesel worth RM3,800 and pickup truck valued at RM75,000 were seized for further investigation," he said in a statement yesterday.

He added the case has been handed over to the KPDN for further action under the Control of Supplies Act 1961.

Polis Marin rampas minyak diesel disyaki cuba diseleweng di Miri

MIRI: Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 5 Miri berjaya merampas minyak diesel dianggarkan bernilai RM3,800 yang disyaki cuba diselewengkan petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Miri ACP Alexson Naga Chabu dalam satu kenyataan semalam mengesahkan rampasan itu.

Katanya, sekitar jam 2.30 petang kelmarin, sepasukan anggota dari Unit Risikan Marin Markas Taktikal PPM Wilayah 5 Miri terdiri daripada seorang pegawai dan empat anggota yang menjalankan Ops Taring Kontraban telah menahan sebuah kenderaan pacuan empat roda ‘single cab’ berwarna putih.

“Kenderaan itu yang di-



DISYAKI SELUDUP: Kenderaan pacuan empat roda dengan muatan minyak diesel disyaki seludup yang ditahan Polis Marin di tepi Jalan Lutong-Kuala Baram, petang kelmarin.

pandu seorang lelaki berusia 27 tahun telah ditahan di tepi Jalan Lutong-Kuala Baram untuk tujuan pemeriksaan.

“Hasil pemeriksaan mendapati kenderaan pacuan

empat roda itu membawa muatan minyak diesel yang disimpan di dalam sebuah tangki di bahagian belakang,” katanya.

Menurut Alexson, ketika

disoal siasat awal polis, pembanderabit gagal mengemukakan sebarang bukti dokumen berkaitan minyak diesel tersebut.

“Berikut itu, diesel disyaki seludup itu kemudian dirampas dan suspek ditahan untuk siasatan lanjut di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

“Manakala nilai keseluruhan barang yang dirampas termasuk kenderaan terbandit dianggarkan berjumlah RM78,800,” ujar beliau lanjut.

Sehubungan itu kata Alexson, semua barang kes dan tangkapan diserahkan kepada pegawai penyiasat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Miri untuk siasatan dan tindakan lanjut.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 9 JANUARI 2025			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
9-Jan	KPDN serbu premis jual sabun pencuci tiruan	https://www.sinarharian.com.my/article/705990/edisi/perak/kpdn-serbu-premis-jual-sabun-pencuci	SINAR HARIAN
9-Jan	KPDN Perak tumpas aktiviti penjualan sabun berjenama tiruan	https://astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-perak-tumpas-aktiviti-penjualan-sabun-berjenama-tiruan-503660	ASTRO AWANI
9-Jan	KPDN Perak Rampas Sabun Tiruan Bernilai Lebih RM7,000	https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2380214	BERNAMA
9-Jan	remis di Seri Iskandar, Taiping jual sabun pencuci tiruan	https://www.kosmo.com.my/2025/01/08/premis-di-seri-iskandar-taiping-jual-sabun-	KOSMO
9-Jan	KPDN Perak rampas 393 unit sabun pencuci tiruan	https://malaysiagazette.com/2025/01/08/kpdn-perak-rampas-393-unit-	MALAYSIA GAZETTE
9-Jan	Sabun pencuci tiruan lebih RM7,000 dirampas	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1174068/sabun-pencuci-tiruan-lebih-	HARIAN METRO
9-Jan	KPDN Perak rampas pencuci pakaian jenama tiruan bernilai lebih RM7,000	https://selangorkini.my/2025/01/kpdn-perak-rampas-pencuci-pakaian-jenama-tiruan-bernilai-lebih-rm7000/	SELANGOR KINI
9-Jan	Perak Domestic Trade Ministry seizes fake branded detergents	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1157911/perak-domestic-trade-ministry-seizes-fake-branded-detergents	NEW STRAITS TIMES
9-Jan	KPDN Perak rampas 393 unit sabun pencuci tiruan	https://mgperak.com/kpdn-perak-rampas-393-unit-sabun-pencuci-tiruan	MALAYSIA GAZETTE PERAK

9-Jan	Isu 'ejen kosmetik': JPJ Terengganu kerjasama dengan KPDN buat pemantauan di Puspakom	https://www.hmetro.com.my/mutahir/2025/01/1174072/isu-ejen-kosmetik-jpj-terengganu-kerjasama-dengan-kpdn-buat-pemantauan-di	HARIAN METRO
9-Jan	Pacuan empat roda diubahsuai, guna tangki tambahan seleweng diesel	https://beritasabah.com/pacuan-empat-roda-diubahsuai-guna-tangki-tambahan-seleweng-diesel/	BERITA SABAH
9-Jan	KPDN Labuan tahan kenderaan pacuan empat roda bersama 300 liter diesel	https://www.borneodailybulletin.com/kpdn-labuan-tahan-kenderaan-pacuan-empat-roda-bersama-300-liter-diesel/	BORNEO DAILY
9-Jan	KPDN Kedah rampas 1,049 botol cecair pakaian tiruan	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-kedah-rampas-1049-botol-cecair-pakaian-tiruan	BULETIN TV3
9-Jan	'Bau pencuci pakaian tiruan tidak sewangi produk asli'	https://www.kosmo.com.my/2025/01/08/bau-pencuci-pakaian-tiruan-tidak-sewangi-produk-asli/	KOSMO
9-Jan	1,049 botol sabun pakaian tiruan dirampas KPDN	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/1049-botol-sabun-pakaian-tiruan-dirampas-kpdn/	UTUSAN MALAYSIA
9-Jan	KPDN rampas cecair pencuci pakaian tiruan bernilai lebih RM19,000	https://astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-rampas-cecair-pencuci-pakaian-tiruan-bernilai-lebih-rm19000-503751	ASTRO AWANI
9-Jan	KPDN seize counterfeit laundry detergent worth RM19,000	https://thesun.my/malaysia-news/kpdn-seize-counterfeit-laundry-detergent-worth-rm19000-CP13497498	THE SUN
9-Jan	KPDN Kedah rampas 1,049 produk pencuci pakaian tiruan	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-kedah-rampas-1-049-produk-pencuci-pakaian-tiruan	BERITA RTM
9-Jan	Polis Marin rampas minyak diesel seludup RM78,000 dalam Op Taring Kontraban	https://www.tvsarawak.my/2025/01/08/polis-marin-rampas-minyak-diesel-seludup-rm78000-dalam-op-taring-kontraban/	TV SARAWAK

9-Jan	Diesel smuggling bust leads to RM78,800 seizure in Miri	https://dayakdaily.com/diesel-smuggling-bust-leads-to-rm78800-seizure-in-miri/	DAYAK DAILY
9-Jan	Polis Marin rampas minyak diesel disyaki cuba diseleweng di Miri	https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/08/polis-marin-rampas-minyak-diesel-disyaki-cuba-diseleweng-di-	UTUSAN BORNEO
9-Jan	Man nabbed for unlawfully transporting RM3,800 worth of diesel in Miri	https://www.theborneopost.com/2025/01/08/man-nabbed-for-unlawfully-transporting-rm3800-worth-of-diesel-in-miri/	THE BORNEO POST
9-Jan	KPDN conducts surprise visit to singer Mark Adam's satay stall following pricing complaints	https://thesun.my/style-life/going-viral/kpdn-conducts-surprise-visit-to-singer-mark-adam-s-satay-stall-following-pricing-complaints-AP13497135	THE SUN